

Tindakan lebih tegas perlu diambil— Anwar

Pinjaman BMF: Pemuda minta kertas putih

Beriton asal dari Akhbar
Negara Malaysia

SUNGAI SIPUT, Ahad — Pergerakan Pemuda Umno Malaysia mendesak kerajaan supaya segera mengeluarkan kertas putih berhubung dengan isu Bumiputra Malaysia Finance (BMF) yang terbit dengan skandal pinjaman beribu-ribu juta ringgit.

Ketuanya, Encik Anwar Ibrahim menegaskan, meskipun Pergerakan itu menyokong sikap pemimpin kerajaan mendedahkan perkara itu tetapi beliau berpendapat mendedahkannya sahaja adalah tidak cukup.

"Kami mahu supaya tindakan tegas diambil ke atas orang-orang yang terbit dengan isu itu," tegas beliau di kemah kerja politik Pergerakan Pemuda Umno di Kampung Pulau Mentimun di sini.

Turut mendengar ucapan beliau ialah Perdana Menteri, Datuk Musa Hilmi.

Bulan lalu, selepas memperingatkan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, Perdana Menteri ada menegaskan bahawa kerajaan sedang menimbang kemungkinan untuk mengeluarkan kertas putih itu.

Encik Anwar berkata, kerajaan hendaklah mengambil tindakan yang tegas dan berani untuk menyelesaikan isu BMF itu sejajar dengan slogan kerajaan — bersih, cekap dan amanah.

Katanya, isu BMF tidak harus dilengahkan kerana Pergerakan Pemuda tidak lagi sanggup mendengar pertanyaaan, aduan dan celaan dari orang ramai

mengenainya.

Selaras dengan kerajaan bersih, cekap dan amanah, Encik Anwar berkata, kerajaan seharusnya tegas dan cekap dalam tindakannya bagi menyelesaikan masalah itu.

Dihukum

Beliau mahukan isu BMF itu dijadikan pengajaran.

Pergerakan itu menegaskan bahawa sentapa sahaja yang mengkhianati amanah bangsa, mereka mestilah dihukum.

"Tindakan sekera-keranya mesti diambil ke atas mereka," tegas beliau lagi.

Pergerakan itu juga

mengulangi ikrar sokongannya kepada pucuk pimpinan dalam menyelesaikan isu perlembagaan.

Encik Anwar berkata, apa yang dijalankan dalam isu pindaan itu tidak lebih dari memperjelaskan kedudukan institusi raja berperlembagaan. Juga, menyatakan bahawa hak dan kedaulatan juga, ada pada rakyat.

Hulah sebabnya himpunan agung khas Pergerakan Pemuda Umno diadakan baru-baru ini untuk menyokong keputusan pucuk pimpinan di samping meminta mereka mengemukakan kebijaksanaan menyelesaikan masalah itu.

Pergerakan Pemuda mengulangi sokongannya, bersedia dan berikrar untuk menggunakan seluruh tenaga untuk memberi penerangan se jelas-jelasnya berhubung dengan perkara itu, di seluruh pelusok rantau negara ini, ujaraya.

Encik Anwar memberi amaran bahawa Pergerakan Pemuda akan menentang dan tidak bertolak ansur terhadap sebarang cuba memutarbelikkan, menyebarkan fitnah, menakutkan orang ramai dan mempersulit kerjakerja ketubuhan itu.

Encik Anwar juga mengingatkan pemuda Umno di peringkat bahagian dan cawangan supaya memahami dan mematuhi semangat perlembagaan dan peraturan parti.